From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 16 February, 2023 2:24:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MESYUARAT MBUA WADAH PERKONGSIAN CARI SOLUSI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2023 / 25 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MESYUARAT MBUA WADAH PERKONGSIAN CARI SOLUSI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Bendahari Universiti Awam (MBUA) Kali Ke-95, baru-baru ini yang menjadi wadah di mana segala masalah dalam

pengurusan kewangan universiti awam (UA) dikongsi dan dibincangkan bersama untuk mencari penyelesaian.

Bendahari, Eylani Ahmad selaku Pengerusi MBUA berkata, mesyuarat tersebut diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun di mana tuan rumah bagi setiap mesyuarat dilakukan secara penggiliran bagi semua universiti awam.

Menurutnya, kali terakhir UUM menjadi tuan rumah adalah pada 2005 dan mesyuarat kali ini berlangsung selama dua hari mulai 12 Februari lalu yang disertai semua universiti awam kecuali Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

Antara pengisian Mesyuarat MBUA selama dua hari itu ialah sesi perkongsian ilmu di mana satu taklimat mengenai Pengisian Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Secara Dalam Talian (E-Claim) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah disampaikan oleh Ainnul Ezwan Hassan dari UTHM dan majlis makan malam bagi meraikan semua Bendahari UA yang menyertai Mesyuarat MBUA.

Majlis makan malam dimeriahkan dengan persembahan tarian asli negeri Kedah, tiupan flute dan persembahan nyanyian oleh Pusat Budaya dan Seni UUM.

Selain itu, turut dibincangkan tujuh kertas kerja di mana empat daripada kertas kerja tersebut diangkat untuk perhatian Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Di akhir mesyuarat, sesi penyerahan tugas daripada Pengerusi MBUA, Eylani yang akan bersara pada 1 Mac ini kepada Pengerusi baru MBUA, Mohamad Najib Mohamed, Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.